

Eksplorasi Kenaboi erat hubungan warga undang-undang

TAMAN Negeri Kenaboi yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi menjadi lokasi penganjuran Program Eksplorasi Jeram Berungut anjuran Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebajikan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri, Negeri Sembilan dengan kerjasama Kelab Pendakwaan Jabatan Peguam Negara.

Program itu disertai seramai 54 peserta terdiri daripada Ketua-Ketua Unit dan Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara, selain pegawai serta kakitangan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Ketua Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara, Datuk Masri Mohd. Daud.

Menurut penganjur, aktiviti eksplorasi itu bukan sahaja dapat mengukuhkan hubungan antara warga jabatan, malah memberi peluang menikmati keindahan alam semula jadi sambil membina semangat kerjasama dan ketahanan diri dalam mendepani cabaran tugas seharian.

■ PESERTA Program Eksplorasi Taman Negeri Kenaboi di Jeram Berungut, Jelebu, Negeri Sembilan.

